

PASTIKAN KERJA PENYENGGARAAN BERKUALITI SETIAP MASA DAN BILA-BILA MASA (QUALITY MAINTAINANCE AT ANY TIME AND ALL TIME)

Kuala Lumpur : Semua wakil konsesi dan kontraktor penyenggaraan perlu sentiasa produktif dan responsif setiap masa serta menjadi pihak pertama untuk dihubungi, pertama berada di lokasi dan pertama memberi maklum balas serta mengemaskini sebarang informasi (*first contact, first at the site, first to respond and first to update*).

Ini kerana pihak Konsesi dan kontraktor merupakan barisan hadapan yang menjadi wakil kepada Kerajaan dan perlu mempunyai pusat aduan untuk memudahkan rakyat berhubung terus dan mendapat maklum balas dengan segera.

Dalam amanat sempena perasmian Majlis Aspirasi Kementerian Kerja Raya (KKR) 2021 secara atas talian pada hari ini, Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, menegaskan penyenggaraan berkualiti harus menjadi keutamaan pada setiap masa dan bila-bila masa.

Menurut beliau, rakyat sentiasa meletakkan harapan tinggi terhadap Kerajaan serta mengharapkan perkhidmatan penyenggaraan yang berkualiti, cekap dan baik sepanjang masa. KKR bertanggungjawab menyelia kerja-kerja penyenggaraan di bawah program khusus seliaan yang terdiri daripada senggaraan jalan persekutuan, penyenggaraan lampu jalan, pembaikan jambatan, kerja berkala pavemen di jalan persekutuan, bangunan gunasama persekutuan, kuarters milikan KKR dan cerun di jalan persekutuan.

Justeru, bagi memperkukuhkan komitmen KKR terhadap penyampaian perkhidmatan penyenggaraan di negara ini, Majlis Aspirasi 2021 yang dianjurkan secara maya hari ini turut disertai Pelaksana Kontrak Penyenggaraan Iantikan KKR.

Pride, Passion and Prestige (Kebanggaan Kesungguhan dan Prestij) dipilih sebagai tema Majlis Aspirasi KKR 2021. Tema ini membawa pengertian bahawa KKR bersama pelaksana kontrak memikul tanggungjawab dalam memberikan perkhidmatan penyenggaraan yang berkualiti dan profesional agar menjadi suatu Kebanggaan, bukti Kesungguhan dalam memperkukuhkan tadbir urus penyenggaraan yang Berprestij.

Terdapat 45 Syarikat pelaksana kontrak senggara termasuk konsesi lebuhraya yang beroperasi di seluruh Malaysia. Tempoh kontrak adalah dari 5 hingga ke 10 tahun bagi kontraktor pelaksana senggara, manakala bagi lebuhraya adalah tertakluk kepada tempoh konsesi di dalam perjanjian konsesi masing-masing.

Untuk kekal cemerlang, penilaian bagi prestasi syarikat konsesi penyenggaraan seperti *merit rating, performance evaluation or review* perlu dilaksanakan secara berkala. Pada tahun 2020, penilaian prestasi melalui *Customer Satisfaction Survey (CSS)* telah digunapakai oleh konsesi kontrak senggaraan Bangunan Gunasama Persekutuan untuk menilai prestasi perkhidmatan mereka secara tahunan. Manakala penilaian prestasi penyenggaraan lebuhraya dibuat berdasarkan *Expressway Performance Indicator* bagi memastikan syarikat konsesi lebuhraya mematuhi piawaian dan standard penyenggaraan yang ditetapkan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA
11 FEBRUARI 2021

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my